



# Usahawan Ternakan **IKAN HARUAN**

Pembibaka, Pernak dan Penjual

LEE SEONG WEI  
ZULHISYAM ABDUL KARI  
WAN YUSOFF WAN SHAHARUDDIN  
WENDY WEE  
AHMAD SYAZNI KAMARUDIN  
SHAH EDMUND WONG

Hak Cipta PENERBIT UMK, 2023

Hak cipta adalah terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanikal, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa mendapat izin daripada Penerbit Universiti Malaysia Kelantan.



Cataloguing-in-Publication Data

Perpustakaan Negara Malaysia

A catalogue record for this book is available  
from the National Library of Malaysia

e ISBN 978-967-0021-99-7

Penerbit Eksekutif: Azman Hashim. Editor Naskhah: Amirul Firdaus Zilah,  
Raihana Sulaiman. Editor Perolehan: Nur Fatihah Pahazri  
Konsep dan Susun Atur Huruf: Fatinah Ilias. Pembaca Pruf: Zaliha Noor  
Pembantu Teknikal: Mohd Suhairi Mohamad

Diterbitkan oleh:

Penerbit UMK

Universiti Malaysia Kelantan

Pejabat Perpustakaan dan Pengurusan Ilmu

Karung Berkunci 36, Pengkalan Chepa,

16100 Kota Bharu,

Kelantan

(Ahli Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM))

(Ahli Penerbit Buku Malaysia (MABOPA) No. Keahlian : 201903)

## **KANDUNGAN**

### **PRAKATA**

### **BAB 1**

PENGENALAN DAN POTENSI TERNAKAN IKAN HARUAN

### **BAB 2**

HABITAT DAN KITARAN HIDUP IKAN HARUAN

### **BAB 3**

PENGHASILAN BENIH DAN TERNAKAN IKAN HARUAN

### **BAB 4**

PEMAKANAN DAN KESIHATAN IKAN HARUAN

### **BAB 5**

USAHAWAN PEMASARAN IKAN HARUAN

**BIBLIOGRAFI**

**INDEKS**

**BIODATA PENULIS**

## **PRAKATA**

Dengan keizinan Tuhan dan bantuan sahabat handai, buku yang bertajuk Usahawan Ternakan Ikan Haruan: Pembiak Baka, Penternak dan Penjual telah berjaya diterbitkan.

Penerbitan buku ini bertujuan untuk dijadikan sebagai panduan atau rujukan kepada ahli akademik, para pelajar, para penternak dan masyarakat umum. Dengan terbitnya buku ini sedikit sebanyak dapat membantu masyarakat umum di Malaysia untuk mengetahui dengan lebih lanjut mengenai ikan haruan di Malaysia dan juga di luar negara. Semoga buku ini dapat dijadikan panduan untuk mengetahui dengan lebih mendalam mengenai udang hiasan dalam kalangan masyarakat umum.

Bagi pihak Universiti Malaysia Kelantan, saya merakamkan ribuan terima kasih kepada Dekan, Fakulti Industri Asas Tani dan rakan-rakan sekerja di Universiti Malaysia Kelantan kerana memberi peluang kepada saya untuk mencerahkan bakti kepada masyarakat melalui terbitan buku panduan ini. Pengarang juga ingin memberi penghargaan kepada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) di atas pemberian geran penyelidikan yang membantu penghasilan buku ini R/NRGS/A07.00/00387A/006/2014/000152. Jutaan terima kasih kepada pihak Penerbit Universiti Malaysia Kelantan kerana bertungkus-lumus dalam usaha membantu penerbitan buku ini.

**Lee Seong Wei**

**Zulhisyam Abdul Kari**

**Wan Yusoff Wan Shaharuddin**

**Wendy Wee**

**Ahmad Syazni Kamarudin**

**Shah Edmund Wong**

## **BAB 1**

# **PENGENALAN DAN POTENSI TERNAKAN IKAN HARUAN**

Ikan haruan atau dalam bahasa Inggeris, Snakehead yang membawa maksud kepala ular dengan nama saintifiknya Channa sp. Ikan haruan mendapat nama sedemikian kerana kelihatan seakan seekor ular. Badan ikan haruan yang panjang dan lebar sememangnya seperti ular serta mulutnya yang besar mampu memakan apa sahaja yang muat di dalam mulutnya. Ia boleh hidup dalam persekitaran yang tidak memuaskan seperti kawasan air tanpa oksigen. Di Indonesia, ikan haruan dikenali sebagai ikan gabus dan banyak didapati kawasan pertanian terutamanya di kawasan sawah padi. Ikan haruan akan ditangkap semasa musim menuai padi sebagai hasil sampingan tanaman padi. Selain kawasan sawah padi, ikan haruan banyak dijumpai di kawasan tanaman kelapa sawit. Di kawasan tanaman kelapa sawit banyak terdapat tasik dan parit yang sememangnya kawasan kegemaran ikan haruan untuk menjadi habitatnya. Ramai pemancing suka ke kawasan berkenaan untuk memancing ikan haruan bagi tujuan rekreasi.

Banyak spesies ikan haruan yang boleh didapati di persekitaran semula jadi di Asia dan Afrika. Sebanyak 30 spesies ikan haruan dilaporkan di seluruh dunia dan hanya tiga spesies ikan haruan yang mudah didapati di Malaysia iaitu ikan toman, ikan bujuk dan ikan haruan. Namun, hanya ikan haruan dan ikan toman sahaja yang terkenal kerana saiz ikan toman yang paling besar, manakala ikan haruan adalah lebih besar berbanding dengan ikan bujuk tetapi lebih kecil berbanding ikan toman. Kesemua spesies ikan haruan boleh dimakan dan mempunyai khasiat nutrisi yang tinggi. Sememangnya ikan haruan disukai oleh orang ramai bagi tujuan utama dalam rawatan penyakit seperti penyakit kulat dan bakteria. Akan tetapi, ikan haruan dilabelkan sebagai ikan pemusnah ekosistem di negara Barat atas faktor-faktor berikut: